

# CABARAN PENGAJARAN KELAS PENGUKUHAN AL-QURAN: TINJAUAN TERHADAP MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Siti Zaleha Ibrahim<sup>1</sup>

Norsaadah Din<sup>2</sup>

Muhammad Izzat Ngah<sup>3</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## ABSTRAK

*Kelas Pengukuhan al-Quran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor adalah salah satu subjek sistem tarbiyyah pelajar yang dikendalikan oleh Seksyen Tarbiyyah dan Ta'dib, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM). Ia perlu diambil oleh semua pelajar KUIS yang tidak lulus Quranic Placement Test. Justeru, penulisan ini mengkaji cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam mengajar Kelas Pengukuhan al-Quran kepada pelajar yang kebanyakannya tiada latar belakang pendidikan agama. Kajian menggunakan metode pemerhatian di samping kajian kepustakaan bagi mendapatkan kaedah pengajaran dalam mengajar al-Quran. Pemerhatian penulis mendapati tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar ini adalah sederhana. Selain itu, kajian turut membincangkan pelaksanaan pengajaran Kelas Pengukuhan al-Quran melalui kaedah Abahata al-Jabari selama 10 minggu bagi satu sesi pengkuliahan. Hasil kajian mendapati bahawa beberapa cabaran dan permasalahan dalam proses pelaksanaan pengajaran kelas ini seperti kepelbagaiannya tahap penguasaan pelajar dalam bacaan al-Quran di samping ketidakhadiran pelajar ke kelas.*

**Kata Kunci:** Cabaran, Pengajaran, Kelas Pengukuhan al-Quran

## 1.0 PENGENALAN

Al-Quran adalah Kalamullah yang *mu'jiz*, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan perantaraan Malaikat Jibril a.s yang termaktub di dalam mushaf, yang dipindahkan kepada kita dengan jalan *mutawatir*, dimulai dengan surah al-fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas serta mendapat pahala bagi yang membacanya.

Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*Sesungguhnya orang-orang Yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa Yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan Yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan Yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan*

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajaran Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [sitzaleha@kuis.edu.my](mailto:sitzaleha@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajaran Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [norsaadah@kuis.edu.my](mailto:norsaadah@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajaran Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [muhdizzat@kuis.edu.my](mailto:muhdizzat@kuis.edu.my)

*menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas Dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang Yang bersyukur kepadanya). (Fathir: 29-30)*

Ia merupakan kitab suci yang mengandungi peraturan lengkap lagi sempurna yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Ia diturunkan untuk menjadi pedoman dan pegangan hidup seluruh umat manusia. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang Yang (hendak) bertaqwa. (Al-Baqarah: 2)*

Daripada Abu Umamah RA katanya, aku telah mendengar Rasulullah s.aw bersabda yang bermaksud:

*“Hendaklah kamu semua membaca al-Quran, sesungguhnya al-Quran itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat kepada orang yang membaca dan beramal dengan hukum-hakamnya. (Riwayat Muslim)*

Rasulullah s.a.w bersabda dalam hadis lain yang bermaksud:

*Barang siapa membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka baginya satu kebaikan, dan kebaikan itu (pahalanya) sepuluh kali ganda. Aku tidak berkata: Alif laam miin itu satu huruf tetapi alif satu huruf, laam satu huruf dan miim satu huruf.” (Riwayat Tirmizi)*

Sesungguhnya ganjaran pahala bukan hanya diberi kepada yang membaca al-Quran. Terdapat pelbagai bentuk ganjaran dikurniakan kepada selain yang membaca al-quran seperti orang yang mendengar al-Quran, mengajarnya dan mempelajarinya. Ini bertepatan dengan hadis rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*Pelajarilah al-Quran dan selalulah membacanya, kerana sesungguhnya kedudukan al-Qur'an terhadap pelajar dan pembacanya adalah seperti beg tangan yang diisi kasturi, menyemarak baunya ke seluruh tempat. Manakala siapa yang mempelajari al-Quran lalu tidur (tidak kerap membacanya) sedang al-Quran itu berada di dalam dadanya maka adalah seperti beg tangan berisi kasturi yang ditutupkan (tidak keluar menyemarak baunya). (Hadis Ibn Majah)*

## **2.0 KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Menurut Prof Hassan Langgulung (1987), pendidikan boleh didefinikan sebagai merubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada individu masyarakat melalui pelbagai cara dan kaedah. Kaedah pemindahan nilai-nilai tersebut termasuklah pengajaran, latihan dan indoktrinasi. Pengajaran adalah satu proses memindahkan maklumat atau pengetahuan kepada individu lain.

Proses pengajaran merupakan suatu tugas dan aktiviti yang dilakukan secara bersama oleh guru dan pelajarnya. Pengajaran memerlukan adanya dua pihak dan tidak akan

berlaku tanpa salah satu daripadanya. Pengajaran perlu dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. (Shababuddin et al. 2003).

Pengajaran boleh ditambahbaik secara berterusan menerusi penyelidikan, pengembangan ilmu, pemantapan kemahiran dan rujukan kepada amalan profesional yang berkaitan. Pengajaran juga merangkumi proses mereka bentuk kurikulum, penyampaian kurikulum, dan sistem penilaian pelajar. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran seperti pengajaran berpusatkan murid, guru, hasil, proses dan nilai. Secara ringkas, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut iaitu guru, pelajar atau murid, kandungan, kaedah, tujuan, hasil (perubahan yang kekal secara relatif) dan penilaian.

Manakala pembelajaran mengikut Kamus Dewan Bahasa bermaksud perihal atau proses belajar. Ia juga bermaksud proses atau kegiatan belajar. Pembelajaran adalah proses interaksi di antara pengajar dengan pelajar agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan pada pelajar. (Noor Hisham Md Nawi: 2011)

Pembelajaran yang baik bukan setakat menguasai pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman juga dipengaruhi oleh pembelajaran. Skop pembelajaran sangat luas meliputi domain kognitif (pemikiran dan minda), afektif (perasaan dan emosi) dan psikomotor (anggota fizikal badan). (Abd Rahim: 2002)

Dapat disimpulkan di sini, bahawa proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan hubungan dua hala di antara pengajar dan pelajar. Dan sewajarnya, tenaga pengajar menggunakan kaedah mengajar yang sesuai bagi meningkatkan keberkesan pengajaran. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Fatimah (2002) yang mana beliau mendapati penggunaan kaedah mengajar yang tepat merupakan faktor terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran.

**3.0 SEJARAH PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN AL-QURAN DI MALAYSIA**  
Perkembangan pengajaran al-Quran telah bermula pada zaman Nabi Muhammad s.a.w ketika baginada mendapat wahyu yang pertama di Gua Hira'. Ayat pertama diturunkan jelas menunjukkan kepentingan membaca dan signifikasi di sebalik wahyu tersebut menekankan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam.

Secara umumnya terdapat dua kaedah tilawah al-Quran yang pernah diperkenalkan di Malaysia, iaitu kaedah Baghdadiyah dan kaedah Iqra' (Kamarul Azmi: 2013)

### **Kaedah Baghdadiyyah**

Kaedah Baghdadiyyah telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu Islam tradisional. Pengajaran al-Quran melalui kaedah ini adalah berdasarkan buku Muqaddam yang berfokuskan kepada pembinaan keupayaan dan kemampuan untuk membaca al-Quran. Buku Muqaddam yang digunakan bagi menjalankan kaedah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan huruf hija'iyyah,

huruf-huruf bersambung dan berbaris. Sementara bahagian kedua ialah susunan ayat-ayat al-Quran juzuk ke-30.

Teknik pengajaran kaedah Baghdadiyyah dimulai dengan mengenal huruf-huruf hija'iyyah, diikuti dengan huruf bersambung dan berbaris. Apabila selesai mengenal kedua-dua bentuk huruf ini, barulah dipindahkan membaca al-Quran. Ianya bermula dari surah al-Fatiyah, surah anNas sehingga surah an-Naba'. Pembelajaran al-Quran melalui kaedah ini ada tiga peringkat, iaitu:

- 1- Peringkat pertama ialah pembacaan secara umum. Pada peringkat ini guru ditugaskan mengajar cara membaca al-Quran dengan betul serta memberi penekanan kepada tajwid. Kemampuan membaca juga dibina berdasarkan asas yang telah dibina dalam mengenal huruf dan baris.
- 2- Peringkat kedua ialah pengulangan bacaan. Bacaan ulangan lebih menekankan kepada pembacaan secara kaedah tajwid dan sebutan yang lebih baik dan mantap.
- 3- Peringkat ketiga pula ialah pembacaan secara berirama dan berlagu.

### **Kaedah Iqra'**

Istilah ini diambil dari permulaan ayat surah al-'Alaq yang bermaksud 'baca'. Kaedah atau teknik Iqra' ini memberi maksud membaca al-Quran dengan cepat secara membunyikan terus huruf-huruf Hijāiyah yang berbaris tanpa perlu mengejanya terlebih dahulu.

Kaedah ini menggunakan Buku Iqra' yang dikarang oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam. Ia mengandungi 6 jilid yang mencakupi kesemua sukanan belajar membaca al-Quran. Setiap jilid di dalam buku Iqra' disusun secara bertahap iaitu dimulakan dengan barisan huruf, perkataan atau ayat sebagai pengenalan, kemudian di barisan tengah pula terdapat latihan. Dan di bahagian akhir buku ini, terdapat ujian atau penilaian yang bertujuan sebagai pengukuhan.

Berikut merupakan 12 prinsip kaedah mengajar Iqra' yang telah disusun oleh pengasas teknik ini. (As'ad Humam: 2000)

1. Al-Tarīqah bi al-Tadarruj iaitu sistem bertahap secara deduktif yang terdiri daripada Al-Tarīqah min al-Adna ilā al-A'lā (peringkat sederhana kepada peringkat yang susah) dan Al-Tarīqah min al-Ma'ruf ilā al-Majhul (daripada peringkat yang sudah kenal kepada peringkat yang belum jelas). Contohnya mengenali huruf-huruf Hijāiyah tunggal dahulu dan diikuti dengan huruf-huruf yang bersambung.
2. Al-Tarīqah al-Sawtiyyah iaitu pengajaran terus kepada bunyi (bacaan) tanpa mengenal nama huruf, tanpa dieja, dianalisis (terus membunyikan huruf-huruf yang berbaris tersebut tanpa diperkenalkan terlebih dahulu huruf-huruf dan barisnya).
3. Talaqqi berserta Mushāfahah. Pelajar mengikut sebutan guru dan melihat pergerakan mulut guru serta Mushāfahah dengan cara mendengar secara dengan cara mendengar secara teliti daripada bacaan guru.
4. Al-Tarīqah bi al-Muqāranah iaitu membandingkan di antara huruf dengan makhrāj

yang seiras.

5. Al-Tarīqah bi al-Riyādiyyah al-Atfāl iaitu memberikan tambahan masa untuk latihan kepada murid-murid melalui Cara Belajar Murid Aktif (CBMA).
6. Al-Tarīqah bi al-Mushāfahah iaitu mengutamakan tatapan muka atau berhadapan dengan guru.
7. Al-Tarīqah bi al-Kalām al-Šariḥ iaitu responsif atau memantapkan perkataan yang jelas.
8. Al-Tarīqah bi al-Targhīb wa al-Tarhīb iaitu memberi dorongan dan semangat serta puji dengan peringatan yang lembut.
9. Al-Tarīqah al-Tawassu' bi al-Maqāṣid iaitu guru boleh menggunakan alat bantu mengajar untuk mencapai objektif pengajaran.
10. Al-Tarīqah al-Muḥākamah iaitu sistem mengikut atau meniru secara langsung apa yang disebut oleh guru.
11. Al-Tarīqah al-Tarkibiyah iaitu sistem latihan mengikut tanda harakat atau mengikut susunan.
12. Al-Tarīqah bi al-Waṣīlah iaitu menggunakan alat bantuan seperti kaset, video, gambar dan sebagainya.

#### **4.0 PENGAJARAN KELAS PENGUKUHAN AL-QURAN DI KUIS**

Kelas Pengukuhan al-Quran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor merupakan salah satu subjek sistem tarbiyyah pelajar yang dikendalikan oleh Seksyen Tarbiyyah dan Ta'dib, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kelas dan subjek ini perlu diambil oleh semua pelajar KUIS yang tidak lulus *Quranic Placement Test*. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar semester satu dari semua fakulti. Pelajar yang tidak lulus *Quranic Placement Test* akan dibahagikan kepada dua kumpulan yang utama iaitu G1 dan G2. G1 melibatkan pelajar yang boleh membaca al-Quran dalam keadaan tidak lancar. Manakala G2 melibatkan pelajar yang langsung tidak boleh membaca al-Quran. Dengan perkataan lain, pelajar dalam kumpulan G2 ini terdiri daripada mereka yang tiada asas bacaan al-Quran.

Kelas Pengukuhan al-Quran menggunakan Kaedah Abahata al-Jabari yang diasaskan oleh Drs. Yusuf Sodiq, yang berasal dari Tasik Malaya, Jawa Barat, Indonesia. Beliau dilahirkan pada tanggal 10 Mei 1943. Kaedah ini mengandungi 4 jilid buku utama dan satu jilid lagi adalah buku amali. Teknik ini mensasarkan baca, tulis dan tajwid dalam masa 30 jam. Bagi pelajar G1, masa belajar adalah 15 jam sahaja, manakala G2 selama 30 jam. Kelas ini dijalankan pada setiap Jumaat selama 1 jam setengah dan berlangsung selama 10 minggu. Mereka diwajibkan untuk membeli buku abahata (kaedah al-jabari) yang berharga RM 50.00. Setelah tamat pengajian, mereka akan diuji dengan Ujian Akhir.

Dari segi pemarkahan, markah lulus peperiksaan adalah 70%. Bagi yang mendapat 69% dan ke bawah, mereka perlu mengikuti kelas yang ditetapkan pada sesi berikutnya sehingga mencapai 70%.

## **5.0. CABARAN PENGAJARAN KELAS PENGUKUHAN AL-QURAN**

### ***5.1 Masa untuk tasmik yang terhad***

Peruntukan masa bagi tasmik Kelas Pengukuhan al-Quran adalah selama 30 minit seminggu. Bilangan pelajar yang ramai iaitu di antara 15 hingga 20 orang pelajar menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat berjalan dengan baik. Tasmik perlu mengambil masa yang agak lama, dan hanya tujuh sehingga sepuluh orang sahaja boleh dilakukan dalam masa setengah jam.

Pelajar yang ramai dalam satu kelas menyebabkan proses tasmik menjadi lambat sehingga proses ini akan melibatkan dua ke tiga minggu untuk menyempurnakan satu slot tasmik atau ujian syafawi. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Abd Razak Othman (1988), menyatakan bahawa murid-murid yang terlalu ramai dalam sesuatu kelas pendidikan Islam menyebabkan guru tidak dapat memberikan perhatian kepada mereka semua.

Ini jelas menunjukkan bahawa tenaga pengajar Kelas Pengukuhan al-Quran tidak mampu untuk mendengar bacaan pelajar secara individu. Apabila tenaga pengajar tidak mampu mendengar bacaan, maka amat sukarlah untuknya memperbaiki bacaan pelajar. Secara tidak langsung, tenaga pengajar tidak berkesempatan untuk meningkatkan tahap penguasaan bacaan pelajar yang bermasalah.

Justeru, penambahan waktu diperlukan bagi tujuan memperbaiki bacaan dan kemahiran al-Quran pelajar-pelajar bermasalah. Secara tidak langsung, tenaga pengajar terpaksa menambah jam pengajaran bagi mengajar pelajar yang bermasalah. Hal ini seterusnya akan menambah bebanan tugas tenaga pengajar.

Cabarannya juga dilalui oleh tenaga pengajar kursus Tilawah al-Quran dan Tadabbur al-Quran di KUIS. Pengajaran kursus tersebut telah dpendekkan daripada 2 jam kepada 1 jam kredit. Pemendekkan jam kredit tersebut menyebabkan proses tasmik tidak dapat berjalan dengan baik.

Cabarannya sama yang dilalui oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Kajian yang dilakukan oleh Hajarul Bahti Zakaria (2010) menyatakan bahawa kekangan masa yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran berpunca daripada peruntukan masa mata pelajaran Pendidikan Islam yang agak sedikit iaitu 3 waktu sahaja dan 1 waktu tambahan untuk pengukuhan.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pendidik ketika memilih apa sahaja kaedah mengajar, antaranya ialah masa perlulah mencukupi. (Al-Kailany: 1986). Konsep ini perlu diadaptasi dalam pengajaran subjek Tilawah al-Quran bagi memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran bacaan dengan baik. Masa yang singkat hanya akan membantutkan proses pemantapan bacaan pelajar yang lemah. Hal ini kerana pembelajaran hukum tajwid juga perlu diambil perhatian dan mana mungkin pembacaan al-Quran semata-mata tanpa asas tajwid.

Sewajarnya kita mengambil iktibar daripada kisah penurunan wahyu pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w yang mana suruhan membaca diulang sebanyak tiga kali. Sebagaimana

yang dinyatakan oleh Wahbah Al-Zuhaily, pengulangan Iqra' atau baca sebanyak tiga kali adalah bertujuan menekankan kesungguhan arahan membaca. Ini kerana keupayaan dan kemampuan membaca tidak akan dapat dikuasai melainkan dengan adanya kesungguhan mengulang dan latih tubi (Al-Zuhaily: 2001)

### **5.2. Kemahiran Bacaan Al-Quran Yang Pelbagai**

Dari segi pemerhatian penulis, pelajar yang gagal di peringkat Quranic Placement Test mempunyai tahap penguasaan bacaan al-Quran yang sangat berbeza. Sesetengah pemeriksa sangat tegas dari segi pemarkahan, manakala sesetengahnya tidak terlalu tegas. Disebabkan itulah, kadang kala terdapat pelajar yang boleh membaca al-Quran dengan baik tetapi masih mengikuti kelas ini. Percampuran pelajar yang menguasai dan tidak menguasai al-Quran dengan baik mewujudkan jurang di antara mereka.

Selain daripada itu, pelajar yang menduduki Kelas Kemahiran Al-Quran ini terdiri daripada latar belakang akademik yang berbeza. Ada sebahagian daripada mereka memang bersekolah agama, manakala sebahagian yang lain pula langsung tidak pernah mengikuti pengajian berorientasikan agama atau bahasa Arab menyebabkan wujud sebahagian daripada mereka yang langsung tidak tahu membaca al-Quran, bahkan tidak mengenal huruf al-Quran. Percampuran di antara pelajar yang mempunyai asas bacaan dan tiada asas bacaan al-Quran juga menimbulkan permasalahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Memandangkan kedapatan pelajar semua fakulti tanpa ada pengecualian dalam kelas ini, ia amat membimbangkan kita. ni menunjukkan bahawa lemahnya penguasaan bacaan itu bermula sejak bangku persekolahan peringkat rendah lagi. Ini bertepatan dengan kajian oleh Hajarul Bahti Zakaria (2010), Beliau mendapati bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran bacaan al-Quran adalah berpuncak daripada penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Alwi et al. (2003), Ab. Halim (2005) dan Ab. Halim et al. (2006). Kajian mereka mendapati kelemahan penguasaan Tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar akan terus wujud sehingga mereka menamatkan pelajaran pada peringkat sekolah menengah sekiranya pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah tidak diberi penekanan.

### **5.3. Pelajar Tidak Hadir Ke Kelas**

Menjadi masalah besar bagi pelajar apabila mereka tidak menghadiri kelas. Ketidak hadiran ke kelas amat mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran tidak kira sama ada kelas al-Quran atau kelas-kelas lain. Kebiasaanya pelajar yang tidak menghadiri kelas merupakan pelajar yang lemah. Ia merupakan cabaran paling besar yang dihadapi oleh tenaga pengajar.

Terdapat pelbagai alasan yang diberikan bagi masalah ketidakhadiran ini seperti perlu hadir ke kelas ganti, hadir program Mentoring dan lain-lain. Walau bagaimanapun, masalah ketidakhadiran ke kelas menjadi sangat sukar diatasi apabila ia berpuncak daripada dalaman diri atau keinginan pelajar itu sendiri.

Ketidakhadiran ke kelas merupakan faktor utama kegagalan pelajar bagi kelas ini. Ini kerana kesedaran pelajar terhadap Kelas Pengukuhan Al-Quran sangat kurang malah

mereka menganggap kelas ini tidak begitu penting untuk penambahan himpunan pangkat CGPA dan sebagainya.

## PENUTUP

Kesimpulannya, terdapat tiga cabaran dominan dalam pengajaran Kelas Pengukuhan Al-Quran. Selain peruntukan masa tasmiq yang terhad, pelajar yang lemah tidak hadir ke kelas juga dikenalpasti sebagai cabaran yang perlu dihadapi oleh tenaga pengajar. Tenaga pengajar juga berdepan dengan masalah kemahiran bacaan Al-Quran yang pelbagai disebabkan perbezaan latar belakang pelajar dan perbezaan penguasaan bacaan Al-Quran.

Sesungguhnya cabaran dan permasalahan yang timbul turut dikenalpasti sebagai faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelajar bagi kelas tersebut. Cabaran ini perlu diatasi dengan solusi yang baik agar kita sama-sama dapat melahirkan generasi yang celik dan pintar al-Quran.

## RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Ab. Halim Tamuri. 2005. *Isu-Isu Dalam Amalan Pengajaran Guru-Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah Dan Menengah*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-4. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. 2006. *Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran: Pendekatan Masa Kini*. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2002. *Agenda Perubahan Pendidikan Sains Sosial Dalam Mengharungi Alaf Baru*. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori Dan Amalan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Kilany, Taisi & Mulhim Iyad. 1986. *Al-Tawjih al-Fannya fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadrис*. Beirut: Maktabah Lubna
- al-Zuhaily, Wahbah. 2001. *Tafsir Al-Munir Juz 'Amma*, Zulkifli Hj. Mohd Yusof et.al. (terj.), Selangor: Persatuan 'Ulama Malaysia dan Intel Multimedia And Publication (MAP).
- As'ad Humam, 2000. *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran* (Buku 1, Selangor: Pustaka Dini).
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib. 2010. *Isu Dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Aderi Che Noh. 2013. Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran. Kuala Lumpur.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1) (2009).
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed. 2003. *Keberkesanan Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran*. Prosiding Isu semasa Pengajian Quran dan Sunnah. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden*. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011.
- Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir. 2003. *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Siti Fatimah Sudin & Nafisiah Hj. Abdul Rahman. *Keperluan Kursus Kemahiran Membaca al-Qur'an di IPT: Kajian di UiTM Shah Alam*. Jurnal CITU.
- Siti Rashidah binti Abd Razak, Mohd Faisal bin Mohamed Siti Zaleha binti Ibrahim, Noraini binti Mohamad. 2014. *Tasawwur Islam*. Selangor: Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, KUIS.